

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 OKTOBER 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malaysian companies need to be better prepared against cyber attacks: Madius	The Sun Daily
2.	Entrepreneurial excellence	The Sun Daily
3.	Politeknik disaran lebihkan kerjasama dengan industri – Abu Bakar	BERNAMA
4.	Robot bertempur di Pusat Sains Negara	Utusan Malaysia
5.	Program NICE @Planetarium	Utusan Malaysia
6.	NICE memacu STI	Utusan Malaysia
7.	'Doan did practice ru non Feb 11'	New Straits Times
8.	Witness: Accused caught smearing days earlier	The Star
9.	Poison found above lethal dose	The Sun
10.	Agen saraf VX pada Jong Nam 1.4 kali lebih tinggi daripada dos maut	BERNAMA
11.	Malaysia negara kedua diserang agen saraf VX di dunia	Utusan Malaysia
12.	Kesan agen saraf VX banyak pada kolar, blazer	Berita Harian
13.	Kes ke-2 di dunia	Harian Metro
14.	2 dibunuh guna agen saraf VX	Kosmo Online
15.	2 dibunuh guna agen saraf VX	Kosmo
16.	Agen saraf VX lebih tinggi dari dos maut	Sinar Harian
17.	6,274 kes ancaman siber dilaporkan suku ketiga 2017	Utusan Malaysia
18.	Ancaman siber semakin serius	Harian Metro
19.	MTDC bantu syarikat FinTech	Berita Harian



Malaysian companies need to be better prepared against cyber attacks: Madius



Science, Technology and Innovation Minister, Datuk Wilfred Madius Tangau during his booth tour during the launch of the Cyber Security Malaysia Conference and Exhibition at Royale Chulan Hotel, Oct 20, 2017. — Sunpix by Zulfadhli Zaki

KUALA LUMPUR: CyberSecurity Malaysia has recorded 6,274 cases relating to cyber attacks as of September this year.

Science, Technology and Innovation (MOSTI) Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said these cases include denial of service, fraud, intrusion, malicious codes, spam, as well as cyber harassment.

“According to cyber security solutions provider Fortinet, there are half a million attempted attacks happening in cyberspace every minute.

“The cyber attacks are increasing in their frequency, severity and their sophistication. It has a serious, far reaching economic consequences across multiple industries, not only financially but also in terms of brand and reputation damage,” Madius said when launching the Cyber Security Malaysia–Awards, Conference and Exhibition (CSM-ACE) 2017.

Madius also urged public and private organisations to attain “Cyber Readiness” by strengthening situational awareness capabilities and bolstering cyber defenses to protect against escalating cyber threats.

“Without achieving a state of cyber readiness, Malaysia’s quest for greater heights will be fraught with obstacles and challenges.

"Organisations need to ask themselves whether they are ready to face the emerging cyber security challenges brought about by the digital economy," he said.

Madius explained that the government had set a target in the 11th Malaysia Plan (RMK11) for the Information, Communication Technology (ICT) sector to contribute 18.2% or approximately RM34.9 billion to the national GDP by 2020.

Among the economic transformation initiatives is the launch of the Digital Free Trade Zone (DTFZ) in March this year that aims to double the e-commerce growth in Malaysia from 10.8% to 20.8% by 2020.

"With 1,500 home grown companies already on board, DTFZ is the first of its kind digital economic initiative outside of China.

"Not only will DTFZ help to promote e-commerce growth for local small and medium sized enterprises (SMEs), but it will also expand their trading capabilities worldwide," he said.



Entrepreneurial excellence



Mohd Shukri receiving the award from Minister of Science, Technology & Innovative Datuk Wilfred Madius Tangau. On the right is Enterprise Asia chairman Tan Sri Dr Fong Chan Onn.

MANAGEMENT and Science University (MSU) has received yet another recognition of excellence through its President, Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid.

At the Asia Pacific Entrepreneurship Awards (APEA), the region's most prestigious awards ceremony showcasing entrepreneurial excellence, the recognition by Enterprise Asia announced Mohd Shukri as the Entrepreneur of the Year in the Education Industry.

He described the APEA award as a parallel recognition to the university as he accepted the award for his entrepreneurial leadership in providing equal access to education and the successful creation of an entrepreneur ecosystem in the university to incorporate well-roundedness into MSU graduates.

Under Mohd Shukri's leadership, MSU rose from once humble beginnings over the last 35 years before emerging as the nation's most popular choice for graduate employability rates among employers today.

Tracing those that were successful in securing an employment within six months of their graduation, the Ministry of Higher Education's (MoHE) graduate tracer strategy study has traced 98.6% of MSU graduates with the achievement.

On the macro scale, MSU has also been recognised by MoHE as Malaysia's Most Entrepreneurial Private University, and as the Best Brand in Education for Leadership in Human Capital Development by the Asia Pacific Brands Foundation.

MSU's main campus is located in Shah Alam. For more information on MSU and its courses, visit www.msu.edu.my



Politeknik Disaran Lebihkan Kerjasama Dengan Industri - Abu Bakar

JASIN, 10 Okt (Bernama) -- Politeknik di negara ini disaran menjalin lebih banyak kerjasama dengan syarikat industri tempatan dan antarabangsa dalam usaha memastikan kemahiran tenaga kerja negara memenuhi kehendak industri.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata politeknik, yang merupakan antara penyumbang terbesar tenaga kerja berkemahiran, perlu memperluas kerjasama itu sebagai pendedahan awal agar pelajar memperoleh pengalaman dan dapat membuat persediaan sebelum tamat pengajian.

"Kita perlu sediakan tenaga kerja mahir seiring dengan transformasi dan revolusi industri global, justeru kita memerlukan pelajar-pelajar serba boleh, yang tahu apa dia teknologi pada masa akan datang.

"Namun jika industri sendiri tidak mendedahkan keperluan kepada mereka (politeknik), bagaimana mereka mahu menyediakan tenaga kerja pada masa akan datang," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu, Abu Bakar menyaksikan Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik Politeknik Merlimau Melaka (PMM) Bersama Agensi dan Industri yang turut dihadiri Pengarah Politeknik Merlimau, Rashidah Mustapa.

Pada majlis itu, PMM menandatangani sijil kolaborasi melibatkan 11 agensi termasuk Astana Digital Sdn Bhd, Skill Tech Solution Sdn Bhd, Labeyla Legacy Sdn Bhd, Hulubalangevent Sdn Bhd dan Jurukur FH Consultant Sdn Bhd.

Yang lain ialah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Wilayah Selatan, Anjung Teknik, World Arch Printing, O & L Jurutera Perunding Sdn Bhd, Impressive Transform Sdn Bhd dan Bina Masyhur Sdn Bhd.

Sementara itu, Rashidah berkata kolaborasi tersebut secara tidak langsung dapat menjadi platform kepada proses perkongsian pengetahuan, kemahiran dan teknologi dua hala.

"Kerjasama seperti ini amat bermanfaat kepada kedua-dua pihak dan PMM dapat meningkatkan kadar keboleh pasaran graduan untuk diserap ke dalam agensi terbabit dengan mengenal potensi setiap pelajar.

"Selain itu, sehingga tahun lepas sebanyak 90% pelajar PMM berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian sekali gus membuktikan graduan PMM berkualiti dan berdaya saing sehingga menjadi pilihan majikan di luar sana," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 11 OKTOBER 2017 (RABU)



Robot bertempur di Pusat Sains Negara

Oleh LAUPA JUNUS
 laupajunus@hotmail.com

MEREKA yang pernah atau selalu berkunjung ke Pusat Sains Negara (PSN) di Bukit Kiara, Kuala Lumpur sebelum ini pastinya teruja dengan bahan pameran yang terdapat di situ kerana ia bukan sahaja memberi banyak pengetahuan dalam bidang sains.

Apatah lagi PSN yang baharu sahaja mengalami kerja-kerja pengubahsuaian dan penambahbaikan dengan konsep baharu yang lebih segar dan menarik, mereka yang berhasrat datang sekali lagi pasti mengalami suasana berbeza kali ini.

Kunjungan kali ini pastinya lain daripada yang lain dan jangan terkejut dengan keadaan di situ apabila kedatangan ke PSN 'disambut' sekumpulan robot yang tidak pun memperdulikan kehadiran pengunjung.

Robot yang ditempatkan di situ rupanya sedang bertempur sesama sendiri dengan kuasa dan kelebihan



serta kekuatan yang dimiliki.

Walau bagaimanapun pertempuran tersebut tidak akan merosakkan kemudahan atau mencederakan sesiapa kerana ia merupakan satu gimik atau pertunjukan sempena Ekspo Inovasi dan Ekonomi Kreatif Kebangsaan (NICE) 2017 yang berlangsung bermula esok hingga 16 Oktober ini.

Pertempuran robot tersebut merupakan sebahagian daripada acara sempena penganjuran NICE 2017 oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan agensinya termasuklah pusat sains tersebut yang mempersembahkan Festival Sains 2017 PSN (PSN SciFest17) secara eksklusif

selama penganjuran ekspo berkenaan.

Pengarah PSN, Mismah Jimbah berkata, tumpuan pastinya adalah pertandingan Robot Tempur Malaysia 2017 yang menampilkan 40 pasukan dari institut pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta, politeknik, institusi kemahiran belia negara (KBN), institut latihan perindustrian (ILP).

Robot ciptaan pasukan bertanding berentap sesama sendiri bagi merebut hadiah keseluruhan bernilai RM10,000.

"Selain itu, PSN SciFest 17 turut menampilkan pembukaan dua galeri pameran baru iaitu *Survive The Bunker* dan *I-Rays*," ujarnya.

Pameran *Survive The Bunker* menceritakan tentang sebuah bunker terbiar yang misteri. Apa yang menariknya adalah pengunjung diuji mengharungi bunker tersebut untuk keluar dengan selamat.

Pengunjung akan berhadapan



MISMAH JIMBAH

dengan ketakutan dan fobia serta dicabar untuk mengatasinya.

Berkonsepkan *full-body kinesthetic experience*, pengunjung akan mengalami pembelajaran melalui penglibatan dan pengalaman merenasi cabaran yang disimulasikan.

Galeri Pameran *I-Rays* pula bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai sinaran serta impak positif sinaran kepada manusia dan kehidupan.

Pengunjung ke PSN disambut dengan pemandangan kehidupan air tawar apabila melalui

Terowong Akurium yang mengandungi lebih daripada 80 spesies ikan air tawar sebelum disajikan dengan galeri yang ditambah baik iaitu *Eureka* (matematik) dan *Wonderspark* (cahaya, udara, air).

Untuk lebih interaktif dan menarik minat pengunjung dalam kalangan remaja, PSN SciFest17 membawakan khas sempena penganjuran kali ini permainan *laser tag*.

Permainan yang memerlukan semangat kerjasama dan strategi utuh untuk mengalahkan pasukan lawan dengan teknologi laser mampu memberi keseronokan, di samping mendapat ilmu pengetahuan mengenai laser dan aplikasinya.

Pengunjung juga boleh menyertai program pendidikan yang dianjurkan di tiga makmal terbaru PSN iaitu *Spark Station*, *Wonders Hub* dan *Creative Spot*.

Di *Spark Station* dan *Wonders Hub*, pengunjung didedahkan dengan trend sains terkini.

Pengunjung juga dapat mempelajari konsep fizik dan kimia dalam kehidupan seharian.

Creative Spot juga bakal mencabar kreativiti pengunjung dengan aktiviti reka cipta.

Pentas *Science Show* akan menghadirkan pengunjung dengan pelbagai persembahan sains yang menarik.

Mereka boleh mencuba sendiri beberapa eksperimen menerusi modul yang disediakan.

Selain pameran dalaman, bahagian luar turut disajikan pelbagai acara menarik khusus untuk pengunjung yang lama menantikan pembukaan semula PSN.

Ini termasuklah antaranya pengunjung boleh melawat Galeri pameran *Subterranean Journey* yang membawa pengunjung meneroka gunung berapi, struktur bawah tanah sehingga ke dasar laut dengan menaiki *Chair Ride*.

Bagi mereka yang datang dengan keluarga, boleh bersantai di dataran *Water Plaza* dan jika hendak menikmati sukan ekstrem, bolehlah mencuba aktiviti *abseiling* yang akan menguji tahap keberanian.

Terdapat banyak lagi tarikan dan kemudahan disediakan buat pengunjung di PSN.

Datanglah beramai-ramai untuk merasa pengalaman dan menimba ilmu pengetahuan sambil bermain dan berseronok. Maklumat lanjut layari <http://www.psn.gov.my/>.

Acara sempena Festival Sains 2017 pada NICE 2017

- ✓ Pertandingan Robot Tempur Malaysia 2017 : 12 - 15 Okt.
- ✓ Galeri Pameran *Survive The Bunker* : 12 - 16 Okt.
- ✓ Galeri Pameran *I-Rays*
- ✓ Terowong Akurium
- ✓ Galeri *Eureka* (matematik)
- ✓ Galeri *Wonderspark* (cahaya, udara dan air)
- ✓ Permainan *Laser Tag*: 12-16 Okt.
- ✓ Pertunjukan Sains
- ✓ Galeri Pameran *Subterranean Journey*
- ✓ Dataran *Water Plaza*
- ✓ Tiga makmal terbaru iaitu *Spark Station*, *Wonders Hub*, *Creative Spot*.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 11 OKTOBER 2017 (RABU)

Terdapat sembilan program sempena NICE@Planetarium dan Minggu Angkasa Sedunia yang berlangsung selama enam hari iaitu:

- Konvensyen Astronomi Nasional 2017 (orang awam);
- *National Space Challenge* (pelajar Tahun 4 dan 5, sekolah rendah kebangsaan – peringkat akhir);
- Bengkel kendalian teleskop untuk orang awam
- Himpunan 500 teleskop untuk orang awam
- Tayangan Planetarium untuk orang awam
- Kuiz sains angkasa di radio KLFM (orang awam dan beberapa hadiah istimewa disediakan)
- Perbualan secara langsung dengan Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) melibatkan 15 pelajar terpilih bersama angkasawan NASA – Mark T. Vande pada jam 11:40 malam ini di stesen Stesen Satelit Mikrio Planetarium Negara;
- Bengkel Kamilah Bintang dan Si Cilik Angkasa
- Pencerapan matahari
- Tiada bayaran masuk ke tayangan Planetarium Negara dikenakan sepanjang program berlangsung.

Program NICE@Planetarium

PLANETARIUM Negara juga menjadi lokasi satelit NICE 2017 dan dijangka menjadi tumpuan strategik dari peringkat kanak-kanak hingga orang dewasa menimba ilmu dan pengalaman dalam pendidikan astronomi dan sains angkasa telah.

Lokasi satelit NICE 2017 di Planetarium atau NICE@Planetarium memasukkan elemen pembelajaran berteraskan aplikasi dan amalan pemerhatian berkaitan teknologi sains angkasa dan astronomi.

Program yang dianjurkan juga adalah sempena Minggu Angkasa Sedunia bertemakan *Meneroka Dunia Baharu di Angkasa*.

Menurut Pengarah Planetarium Negara, **Anita Bahari** pada kebiasannya Minggu Angkasa Sedunia disambut pada 4 hingga 10 Oktober setiap tahun

namun pada tahun ini, kami menyambutnya bersama NICE@Planetarium.

“Kesemua program yang dijalankan adalah untuk menggalakkan orang awam mengetahui manfaat yang mereka terima daripada pendidikan astronomi dan ruang angkasa untuk pembangunan ekonomi yang mampan.

Di samping itu, program ini akan menarik minat generasi muda dan kanak-kanak mengenai sains, teknologi kejuruteraan angkasa dan matematik,” ujarnya.

Planetarium Negara menjangkakan seramai 10,000 pengunjung akan melawat dan menyertai program yang disediakan.



ANITA BAHARI



PLANETARIUM Negara di Kuala Lumpur.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 11 OKTOBER 2017 (RABU)

NICE memacu STI

MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi, **Datuk Madius Tangau** berkata, NICE 2017 yang dianjurkan kementerian di harap menjadi pemacu dalam pembangunan sains teknologi dan inovasi (STI) negara bagi meningkatkan kesedaran betapa pentingnya bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

"Pada hari ini, kami mengharapkan NICE akan menjadi program dan 'jenama' tahunan kerajaan yang mengentengahkan pelbagai hasil

usaha kerajaan dalam usaha menggalakkan pembangunan dan kemajuan STI negara," ujarnya.

Dengan kerjasama 81 rakan strategik terdiri daripada pelbagai sektor iaitu kerajaan (25), swasta (37), institusi pengajian tinggi awam (14) antarabangsa (dua) adalah diharapkan NICE 2017 dapat mengarusperdanakan STI dalam pembangunan sosioekonomi di Malaysia.

Peningkatan minat terhadap STI serta pembudayaan kreativiti dan inovasi adalah dua elemen penting NICE yang berupaya merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi baharu menjelang 2050.

INFO

• NICE 2017 menyediakan pelbagai program menarik dan interaktif berasaskan kepada pertandingan, *edutainment* kreatif, 300 ruang pameran bercirikan STI, bengkel, jualan dan program bina upaya, padanan perniagaan dengan fokus kepada lima kluster.

• Tarikh 12 hingga 16 Oktober 2017

• Perasmian : 12 Oktober 2017 oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

• Lokasi: Technology Park Malaysia (TPM) di Bukit Jalil dan lokasi satelit di Planetarium Negara dan Pusat Sains Negara (PSN).

• Tema: *Negara Berinovasi*.

• Bagi kemudahan pengunjung, sebanyak 2,000 petak parkir kereta, 200 parkir bas, 50 tandas awam, enam tandas orang kurang upaya (OKU), sebanyak 20 kawasan rehat keluarga, 30 gerai jualan makan minum dan 30 trak makanan disediakan. Dua surau untuk lelaki dan wanita dengan keluasan 20" X 20" setiap satu, lima trem dalam Technology Park Malaysia dengan kekerapan 15 minit setiap perjalanan dan lima bas (LRT Bukit Jalil ke TPM) dengan kekerapan 15 minit setiap trip disediakan juga secara percuma.

'DOAN DID PRACTICE RUN ON FEB 11'

Accused smeared 'something' on someone two days before Kim's murder, court told

KHAIRAH N. KARIM
AND HARIZ MOHD
SHAH ALAM
news@nst.com.my

VIETNAMESE Doan Thi Huong, accused of murdering North Korean Kim Chol, was recorded smearing "something" on the face of an unsuspecting member of the public two days before the Feb 13 incident, the High Court heard.

Police officer Assistant Superintendent Wan Azirul Nizam Che Wan Aziz testified yesterday that the action was captured by Kuala Lumpur International Airport 2 (klia2) closed-circuit television cameras (CCTV) on Feb 11.

Wan Azirul, an investigating officer from Sepang police headquarters, said one of the recordings from 23 DVDs of CCTV footages showed Doan, 28, approaching a person from behind before putting her hands onto the person's face at the airport's departure hall on Level 3.

However, he said, although the move was similar to what she did on Feb 13, Doan was "more relaxed" and "apologised before slowly walking away".

"The accused was seen (on the video) approaching a member of the public from behind whom she

chose randomly before smearing something on the person's face.

"When the person turned towards her, she made a gesture like apologising by lowering her head and putting her hands together in front, before walking several steps behind and turning away slowly," said Wan Azirul during examination-in-chief by deputy public prosecutor Wan Shahrudin Wan Ladin.

Wan Azirul said police obtained 23 DVDs of CCTV recordings from the airport, 22 of which were from the day Kim Chol was killed while only one was on Feb 11.

Wan Azirul described Doan's action as a rehearsal to the murder, but this was immediately objected to by Doan's lawyer Hisham Teh Poh Teik.

Asked to elaborate on what he saw from the Feb 13 footages, Wan Azirul said he observed that Doan was "more aggressive towards the deceased compared with the member of the public in the Feb 11 video."

"The action on the deceased was rough, as if the accused was attacking him. Another difference that I observed was the accused walking fast."

Wan Azirul was introduced as the ninth prosecution witness and the examination-in-chief will



Doan Thi Huong (second from right) and Siti Aisyah (second from left) being led out of the Shah Alam High Court yesterday. PIC BY ROSLIN MAT TAHIR

resume today.

Earlier, eighth prosecution witness Dr S. Raja, who is the head chemist of the Chemistry Department's Chemical Weapon Analysis Centre, told the court that the dosage of VX nerve agent found on Kim Chol's skin was above the lethal level.

He said analysis revealed that VX on the victim was 0.2mg per kg body weight, about 1.4 times the dose known to kill humans.

Raja said VX lethal dose was

0.142mg, based on a previous known VX incident in Osaka, Japan, in 1994.

He testified that the Feb 13 incident was the second in the world after Osaka.

Raja also agreed to a suggestion by defence counsel Gooi Soon Seng that the binary method (combining two elements to make a lethal VX dose) was not possible in this case.

He said a blazer belonging to Kim Chol was handed to Assis-

tant Superintendent Mohd Zaini Che Din on March 30, and was informed that samples including, a bag, shoes, jeans, a ring and a watch belonging to the victim, were returned to North Korea.

On March 1, Doan and another accused, Indonesian Siti Aisyah, 25, were separately charged with murdering Kim Chol, 45, with four others still at large.

The duo allegedly committed the offence at the klia2 departure hall about 9am on Feb 13.

Witness: Accused caught smearing days earlier

By NURBAITI HAMDAN and QISHIN TARIQ
newsdesk@thestar.com.my

SHAH ALAM: The second accused in the murder trial of Kim Chol did "something" to a random member of the public at the KL International Airport 2 (KLIA2) two days before the incident in February, the High Court heard.

In CCTV footage, 28-year-old Vietnamese Doan Thi Huong was seen approaching the person from behind and smearing the person's face with something on Level Three near the green zone of the airport on Feb 11.

Investigating officer Asst Supt Wan Azirul Nizam Che Wan Aziz, 39, said this was done gently.

"When the person turned around to face her, she appeared to apologise by nodding her head and putting her hands together.

"She took two or three steps backward before turning around and leaving slowly," the witness said.

However, in different footage recorded on Feb 13, Doan was seen executing a similar action on the deceased aggressively "as if carrying out an attack".

"To me, it appeared rather aggressive. Also different here was that she walked away quickly and was in a rush," the witness said.

ASP Wan Azirul was testifying at the trial of Indonesian Siti Aisyah, 25, and Doan, who are charged with four others still at large, with the murder of Kim Chol, 45, at the departure hall of KLIA2 at 9am on Feb 13 this year.

Kim Chol is the alias used by Kim Jong-nam, the estranged half brother of North Korean leader Kim Jong-un, when he travelled.

Jong-nam trial



JUDGE:
Justice
Azmi Ariffin



ACCUSED:



Siti Aisyah, 25,
Indonesian



Doan Thi Huong,
28, Vietnamese

THE CHARGE:

Both pleaded not guilty to murdering Kim Jong-nam, the half-brother of North Korean leader Kim Jong-un, at the KL International Airport 2 (KLIA2) departure hall at 9am on Feb 13, 2017.

Prosecution

Deputy Public Prosecutors (DPPS):

- Muhamad Iskandar Ahmad (lead)
- Wan Shaharuddin Wan Ladin
- Raja Zaizul Faridah Raja Zaharudin
- Mohd Fairuz Johari
- Mohamad Mustaffa P. Kunyalam
- Syed Farid Syed Ali

Defence

i) For Siti Aisyah

- Gooi Soon Seng (lead)
- Azura Alias
- Selvi Sandrasegaram
- Choong Kak Sen
- Wong Kah Hung

ii) For Doan Thi Huong

- Hisyam Teh Poh Teik
- Datuk Naran Singh
- Salim Bashir

©The Star Graphics

ASP Wan Azirul said the incident in the Feb 13 CCTV footage took place on Level Three near the self check-in counter at the departure hall of KLIA2.

Earlier yesterday, chemical weapons specialist Dr Raja Subramaniam testified that tests revealed that Kim Chol had about 1.4 times the lethal dosage of VX nerve agent on his face.

He said there was 0.2mg per kg of body weight found on the deceased's face, while the lethal

dosage according to scientific literature was 0.142mg per kg of body weight.

Dr Raja also found traces of VX on the collar and sleeves of the victim's blazer.

Asked by Siti Aisyah's lawyer Gooi Soon Seng why there would be traces there, Dr Raja replied that it was probably because Kim had wiped his face on the blazer after being attacked.

The hearing continues today.

Poison found above lethal dose

> Victim's skin sample showed 1.4 times more of VX required to kill

BY G. SURACH
newsdesk@thesundaily.com

SHAH ALAM: The VX (nerve agent) poison found on the skin sample of Kim Jong-Nam was 1.4 times more than the minimum amount of the lethal dose, the High Court learnt, yesterday.

Chemistry
Department's centre of chemical weapon analysis lab head, Dr Raja Subramaniam (pix), 42, said the minimal lethal concentration dosage of VX poison following skin exposure is 0.142mg/kg of body weight.

"The amount was derived following animal testing where 50% of them died when exposed to that amount of VX poison," he said during the fifth day of the murder trial.

Raja said Kim's skin sample was tested and showing estimated concentration levels at 0.2mg/kg of body weight.

During the cross-examination by counsel Gooi Soon Seng on the whereabouts of Kim's blazer, Raja said that he

had passed it sealed and tagged back to ACP Mohd Zani Che Din.

"I was told that the blazer was sent back to North Korea along with the deceased's other belongings such as shoes, jeans, bracelet, bag, wallet, keychain and watch," he said.

Raja also told the court that the physical sample of the blazer was destroyed as the sample had been tested with sulphur.

"However, the extraction from the sample still remains," he said, adding that it was one of the procedures that the Organisation for the Prohibition of Chemical Weapons (OPCW) adopted.

However, Gooi pointed out that when sarin gas was used in the Syrian war earlier this year,



Kim Jong-Nam
MURDER TRIAL



The accused

Siti Aisyah
Doan Thi Huong

samples were sent to four separate labs by OPCW for verification.

"In this case, however there was only one lab. And the exhibit has since been destroyed," he said.

The ninth witness, investigating officer from the Sepang police district, ASP Wan Azirul Nizam Che Wan Aziz, was then called to the stand, and explained on the request by the defence team to obtain CCTV recordings in DVD at KL International Airport 2 on the day of the incident, before the court adjourned.

Meanwhile, High Court judge Datuk Azmi Ariffin ruled that it was fine for lawyers representing murder accused Siti Aisyah, 25, and Vietnamese Doan Thi Huong, 29, to engage members of the media about the daily court proceedings.

However, he advised the counsels against "crossing the line" as such comments could influence the public's perception on the ongoing trial.





Agen Saraf VX Pada Jong Nam 1.4 Kali Lebih Tinggi Daripada Dos Maut

SHAH ALAM, 10 Okt (Bernama) -- Malaysia adalah negara kedua yang terlibat dengan serangan agen saraf VX, Mahkamah Tinggi di sini diberitahu hari ini.

Dr S. Raja, 42, yang merupakan Ketua Makmal Pusat Senjata Kimia, Jabatan Kimia Malaysia berkata serangan pertama berlaku di Osaka, Jepun pada 1994, apabila bahan kimia itu disembur pada leher mangsa.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai analisisnya mengenai kes pembunuhan Kim Jong-nam atau Kim Chol, iaitu abang kepada pemimpin Korea Utara Kim Jong-un, Dr Raja berkata beliau juga mendapati kesan agen saraf banyak ditemui pada kolar dan kedua-dua lengan blazer yang dipakai Kim Chol.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Wan Shahrudin Wan Ladin dalam pemeriksaan utama, Dr Raja berkata berdasarkan pendapatnya, besar kemungkinan mangsa mengelap mukanya menggunakan kolar dan lengan blazer itu.

Beliau memberikan keterangan pada perbicaraan dua wanita, warga Indonesia Siti Aisyah 25, dan rakyat Vietnam, Doan Thi Huong, 28, yang didakwa bersama-sama empat yang masih bebas membunuh Jong Nam, 45, di Balai Pelepasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) pada 9 pagi, 13 Feb lepas.

Saksi kelapan pendakwaan itu ketika menjelaskan mengenai potensi VX yang boleh membawa maut, Dr Raja berkata berdasarkan kepekatan agen saraf VX yang dikesan pada kulit Jong Nam ialah 1.4 kali lebih tinggi daripada dos maut.

"Bagaimanapun saya tidak boleh menyatakan secara langsung kepekatan VX itu sudah cukup untuk membunuh mangsa, tetapi jumlahnya kira-kira 1.4 kali daripada dos maut.

"Kajian terhadap haiwan menunjukkan dos maut adalah 0.142 miligram per kilogram (m/kg) daripada berat badan, dan 50 peratus daripada jumlah yang diuji akan mati apabila terdedah kepada dos ini pada kulit mereka," katanya.

Dr Raja juga menganggarkan kepekatan agen saraf VX pada calitan kulit muka Jong Nam adalah 0.2 m/kg daripada berat badan mangsa.

Beliau juga menjangkakan kepekatan VX pada mata mangsa hanya 0.03 m/kg daripada berat badan mangsa tetapi kesan VX menembusi lebih cepat melalui mata berbanding kulit.

Semasa pemeriksaan balas oleh peguam Siti Aishah, Gooi Soon Seng, Dr Raja berkata blazer itu yang diletakkan dalam beg kertas telah diserahkan kepada ASP Mohd Zaini Che Din pada 30 Mac selepas beliau selesai melakukan analisis.

"Sebenarnya saya diberitahu untuk mengembalikan semula beberapa barang milik mangsa ke Korea Utara seperti kasut, seluar jeans, blazer, dompet, rantai leher dan jam tangan," katanya dan menambah sehelai blazer masih disimpan.

Dr Raja berkata beliau menggunakan dua jenis pengesan untuk menjalankan analisis itu, FT Ramen dan Hazmat ID yang disimpan di makmal.

-- BERNAMA

Malaysia negara kedua diserang agen saraf VX di dunia

SHAH ALAM 10 Okt. - Pembunuhan Kim Chol atau Kim Jong-nam, abang kepada pemimpin Korea Utara, Kim Jong-un, merupakan kejadian serangan racun agen saraf VX yang pertama di Malaysia dan kedua di dunia selepas Osaka, Jepun yang berlaku pada tahun 1994.

Satu-satunya pakar dalam bidang VX (*Ethyl S-2-Diisopropylaminoethyl Methylphosphothiolate*) di negara ini, Dr. S. Raja, 42, berkata, dalam kes serangan di Osaka, VX telah disembur pada bahagian leher mangsa.

Beliau berkata, VX yang sifatnya tidak berwarna, tiada rasa dan berminyak, boleh dibawa dan dipindahkan dengan mudah iaitu cara mengisinya ke dalam botol.

Ketua Makmal, Pusat Analisis Senjata Kimia, **Jabatan Kimia** itu berkata, beliau yang mendapat latihan dalam bidang forensik senjata kimia menemukan agen saraf VX pada kedua-dua bahagian lengan dan kolar jaket yang dipakai oleh Jong-nam.

Beliau yang menyambung ke-

terangannya pada hari keenam perbicaraan terhadap warga Indonesia, Siti Aisyah dan warga Vietnam, Doan Thi Huong di Mahkamah Tinggi di sini hari ini berkata, kuantiti VX ditemui lebih banyak di kolar dan lengan jaket, berkemungkinan Jong-nam telah mengesat muka dan matanya menggunakan fabrik tersebut.



S. RAJA

"Saya menganggarkan kesan VX pada kulit Jong-nam sebanyak 0.2 miligram/kilogram berat badan," ujar saksi pendakwaan kelapan itu.

Menjawab soalan utama Ketua Unit Bicara dan Rayuan, Jabatan Peguam Negara, Wan Shaharudin Wan Ladin yang mewakili barisan pendakwaan, Raja berkata, beliau telah menganalisis beberapa sampel bahan bukti yang dihantar oleh pihak polis kepadanya.

Katanya, setiap bahan bukti perbicaraan tersebut yang dianalisisnya telah disimpan di tempat yang berasingan di dalam sebuah bilik berkunci yang tidak pernah digunakan sebelum ini.

Menurut Raja, beliau mematuhi garis panduan ketat yang ditetapkan dalam pengasingan bahan bukti bagi mengelakkan sampel tersebut tercemar.

Raja berkata, sebelum sampel yang telah dianalisis diserahkan semula kepada Asisten Superintenden Wan Azirul Nizam Che Wan Aziz, beliau telah menyimpan bahan bukti itu bersama kunci bilik tersebut.

Sementara itu, semasa disoal balas oleh peguam Gooi Soon Seng mewakili Siti Aisyah, Raja menjelaskan, meskipun Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) tiada alat pengesan untuk mengesan kehadiran VX, namun Jabatan Kimia mempunyai dua mesin pengesan di makmalnya di Petaling Jaya.

"FT Ramen dan Hazmat ID adalah dua alat pengesan yang mencari dan mengesannya, sepadan dengan pangkalan data," ujar saksi.

Ditanya sama ada pihak polis ada meminta beliau membawa alat pengesan tersebut ke KLIA2 ataupun ke rumah seorang saintis Korea Utara, Ri Jong-chol, Raja berkata, beliau tidak diminta untuk berbuat demikian.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (MAHKAMAH) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 11 OKTOBER 2017 (RABU)

Kesan agen saraf VX banyak pada kolar, blazer

Shah Alam: Mahkamah Tinggi di sini, semalam, diberitahu bahawa insiden kematian warga Korea Utara, Kim Chol (yang didakwa sebagai abang pemimpin Korea Utara, Kim Jong-nam) adalah insiden kedua di dunia dan pertama di negara ini, membabitkan penggunaan agen saraf VX.

Ketua Makmal Pusat Analisis Senjata Kimia, Jabatan Kimia Malaysia, Dr S Raja, ketika memberi keterangan di hadapan Hakim Datuk Azmi Ariffin, berkata insiden pertama berlaku pada 1994 di Osaka, Jepun.

"Bahan kimia agen saraf VX dilaporkan disembur pada bahagian leher mangsa," katanya merujuk kepada tayangan slaid pada pemeriksaan utama oleh Ketua Unit Bicara dan Rayuan, Wan Shaha-

ruddin Wan Ladin.

Beliau memberi keterangan terhadap warga Indonesia, Siti Aisyah, 25, dan Vietnam, Doan Thi Huong, 28, dalam perbicaraan pembunuhan Kim Chol di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Raja memberitahu mahkamah, kesan agen saraf VX banyak ditemui pada kolar dan kedua-dua lengan blazer milik Kim Chol.

Katanya, berdasarkan penemuan itu, beliau berpendapat Kim Chol cuma mengelap bahan kimia yang mengenai muka dan mata.

Ambil sampel calitan

Beliau membuat kesimpulan berdasarkan kepada sampel calitan pada kulit mangsa, terdapat kesan agen saraf VX sebanyak 0.2 mi-



Dr S Raja

ligram per kilogram (m/kg) daripada berat badan mangsa.

Ditanya berapa dos pendedahan pada kulit yang boleh membunuh (lethal dosage), Dr Raja berkata, berdasarkan kepada rekod terdahulu (kes di Osaka) ia pada paras 0.142 mg/kg.

Ketika ditanya Wan Shahrudin adakah ia cukup untuk membunuh, Dr Raja berkata beliau tidak boleh memberikan jawapan khusus, tetapi berdasarkan kepada anggaran kepekatan sampel berkenaan, ia 1.4 kali lebih tinggi daripada dos yang boleh membunuh.

"Dalam kajian terhadap haiwan, didapati ia boleh mati jika terdedah kepada dos sebanyak 0.142mg/kg," katanya.

Sementara itu, ketika pemerik-

saan balas oleh peguam bela Gooi Soon Seng, Dr Raja berkata, jaket milik Kim Chol dimasukkan ke dalam beg kertas sebelum diserahkan semula kepada seorang pegawai polis, Asisten Superintendan Mohd Zaini Che Din, pada 30 Mac lalu.

Katanya, beliau diberitahu bahawa ada sampel terpilih dihantar pulang ke Korea Utara.

"Selain itu, beg, kasut, seluar jeans, gelang tangan, dompet, rantai leher, cincin dan jam tangan milik mangsa juga dipulangkan," katanya.

Dr Raja turut memaklumkan kepada mahkamah bahawa pihaknya mempunyai dua mesin pengesan racun agen saraf VX dan ia adalah mudah alih, iaitu FT Ramen dan HAZMAT ID

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 11 OKTOBER 2017 (RABU)

DR Raja menjadi
saksi kelapan
perbicaraan.

HARIAN METRO

PERBICARAAN KES
PEMBUNUHAN



Sarah Zulkifli

sarah@hmetro.com.my

Shah Alam

Insiden kematian warga Korea Utara Kim Chol yang disebatkan agen saraf VX adalah insiden kedua di dunia dan pertama di negara ini.

Perkara itu dimaklumkan Ketua Makmal Pusat Analisis Senjata Kimia, Jabatan Kimia Malaysia, Dr S Raja ketika memberi keterangan di hadapan Hakim Datuk Azmi Ariffin di Mahkamah Tinggi Shah Alam, pada perbicaraan kes bunuh Kim Chol yang didakwa sebagai Kim Jong Nam, abang kepada pemimpin Korea Utara yang masuk hari keenam.

Dr Raja yang juga saksi kelapan pendakwaan berka-



Kes ke-2 di dunia

■ Saksi kelapan pendakwaan beritahu insiden serupa babitkan agen saraf VX berlaku di Jepun pada 1994

ta, insiden pertama dilaporkan berlaku pada 1994 di Osaka, Jepun.

"Bahan kimia agen saraf VX dilaporkan disembur pada leher mangsa," katanya merujuk kepada tayangan

slaid pada pemeriksaan utama Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shahrudin Wan Ladin.

Beliau memberi keterangan terhadap warganegara Indonesia, Siti Aisyah, 25,

dan Vietnam, Doan Thi Huong, 28, yang didakwa membunuh Jong Nam.

Dalam perkembangan sama, Dr Raja memberitahu mahkamah, kesan agen saraf VX banyak ditemui pada ko-

lar dan kedua-dua lengan jaket milik Kim Chol.

Dr Raja berkata, berdasarkan penemuan itu, beliau berpendapat Kim Chol cuma mengelap bahan kimia yang mengenai muka dan matanya.

Katanya, beliau membuat kesimpulan berdasarkan kepada sampel calitan pada kulit mangsa, ada kesan agen saraf VX sebanyak 0.2 miligram per kilogram (m/kg) daripada berat badan mangsa.

Ditanya berapa dos pendedahan pada kulit yang boleh membunuh (lethal dosage), Dr Raja berkata, berdasarkan kepada rekod terdahulu (kes di Osaka) ia pada paras 0.142 mg/kg.

Bagaimanapun, ditanya Wan Shahrudin adakah ia cukup untuk membunuh, Dr Raja berkata, beliau tidak boleh memberi jawapan khusus namun berdasarkan kepada anggaran kepekatan sampel berkenaan, ia 1.4 kali lebih tinggi daripada dos

yang boleh membunuh.

"Dalam kajian terhadap haiwan, didapati ia boleh mati jika terdedah pada dos sebanyak 0.142mg/kg," katanya.

Sementara itu, ketika pemeriksaan balas oleh peguam Gooi Soon Seng, Dr Raja berkata, jaket milik Kim Chol dimasukkan ke dalam beg kertas sebelum diserahkan semula kepada seorang pegawai polis, Asisten Superintendan Mohd Zaini Che Din pada 30 Mac lalu.

Katanya, beliau diberitahu bahawa ada sampel terpilih diantar pulang ke Korea Utara.

"Selain itu, beg, kasut, seluar jeans, gelang tangan, dompet, rantai leher, cincin dan jam tangan milik mangsa juga dipulangkan," katanya.

Dr Raja turut memaklumkan kepada mahkamah bahawa pihaknya mempunyai dua mesin pengesan racun agen saraf VX dan ia adalah mudah alih, iaitu FT Ramen dan HAZMAT ID.

FAKTA
Dos agen saraf VX dikesan pada kulit Kim Chol adalah 0.142mg

setempat

19

11-10-2017



2 dibunuh guna agen saraf VX



Thi HUONG (gambar kiri berbaju kurung) dan Siti Aisyah (gambar kanan) dibawa ke Mahkamah Tinggi Shah Alam semalam atas pertuduhan membunuh Jong-nam.

SHAH ALAM – Ketua Makmal Pusat Analisis Senjata Kimia, **Jabatan Kimia Malaysia**, Dr. S. Raja memberitahu Mahkamah Tinggi di sini semalam, kematian warga Korea Utara, Kim Jong-nam merupakan insiden kedua di dunia dan pertama di negara ini yang membabitkan penggunaan agen saraf VX.

Raja yang merupakan saksi pendakwaan kelapan berkata, insiden pertama membabitkan penggunaan bahan kimia tersebut berlaku pada tahun 1994 di Osaka, Jepun.

“Bahan kimia agen saraf VX dilaporkan disembur pada leher mangsa di Jepun sebelum mangsa itu mati,” kata beliau ketika pemeriksaan utama oleh Ketua Unit Bicara dan Rayuan, Wan Shaharuddin Wan Ladin.

Beliau memberi keterangan pada perbicaraan Siti Aisyah, 25, dan Doan Thi Huong, 28, yang didakwa membunuh Jong-nam pada hari keenam prosiding semalam.

Jong-nam individu kedua mati akibat penggunaan bahan kimia tersebut selepas kes di Jepun 2 dibunuh guna agen saraf VX

Oleh AQMAR ALLADAD

SHAH ALAM – Ketua Makmal Pusat Analisis Senjata Kimia, Jabatan Kimia Malaysia, Dr. S. Raja memberitahu Mahkamah Tinggi di sini semalam, kematian warga Korea Utara, Kim Jong-nam merupakan insiden kedua di dunia dan pertama di negara ini yang membabitkan penggunaan agen saraf VX.

Raja yang merupakan saksi pendakwaan kelapan berkata, insiden pertama membabitkan penggunaan bahan kimia tersebut berlaku pada tahun 1994 di Osaka, Jepun.

"Bahan kimia agen saraf VX dilaporkan di-sembur pada leher mangsa di Jepun sebelum mangsa itu mati," kata beliau ketika pemeriksaan utama oleh Ketua Unit Bicara dan Rayuan, Wan Shaharuddin Wan Ladin.

Beliau memberi keterangan pada perbicaraan Siti Aisyah, 25, dan Doan Thi Huong, 28, yang didakwa membunuh Jong-nam pada hari keenam prosiding semalam.

Kedua-dua wanita rakyat Indonesia dan Myanmar itu bersama empat lagi yang masih bebas didakwa melakukan perbuatan itu di Balai Berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) pada pukul



THI HUONG (gambar kiri berbaju kurung) dan Siti Aisyah (gambar kanan) dibawa ke Mahkamah Tinggi Shah Alam semalam atas pertuduhan membunuh Jong-nam.



Bicara pembunuhan Kim Jong-nam

9 pagi, 13 Februari lalu.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Raja memberitahu, terdapat banyak kesan agen saraf VX ditemui pada kolar dan kedua-dua belah lengan jaket milik mendiang Jong-nam semasa pemeriksaan.

"Berdasarkan kepada sampel calitan pada kulit Jong-nam terdapat kesan agen saraf VX yang cukup untuk membunuh mangsa," kata beliau.

Sementara itu, Pegawai Penyasat Kanan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang,

Asisten Superintendan Wan Azirul Nizam Che Wan Aziz pula memberitahu, menerusi rakaman televisyen litar tertutup (CCTV), Thi Huong dilihat cuba melakukan 'sesuatu' terhadap orang awam di KLIA2, dua hari sebelum pembunuhan Jong-nam.

"Thi Huong dilihat menghampiri orang awam yang dipilih secara ram-bang sebelum dia menyapu sesuatu ke muka orang awam itu dari arah belakang.

"Apabila orang awam itu berpaling ke arahnya, Thi

Huong dilihat meminta maaf dengan menundukkan sedikit kepala sebelum dia berundur dua tiga langkah dan beredar," kata Wan Azirul.

Bagaimanapun, Wan Azirul berkata, rakaman CCTV pada 13 Februari lalu menunjukkan Thi Huong bertindak agak agresif ketika melakukan serangan terhadap Jong-nam.

"Dalam rakaman CCTV itu, tertuduh berjalan dengan laju dan tergesa-gesa berbanding rakaman sebelumnya pada 11 Februari yang lebih perlahan," katanya.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Azmi Ariffin bersambung hari ini.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 11 OKTOBER 2017 (RABU)

Agen saraf VX lebih tinggi dari dos maut

SHAHALAM - Malaysia negara kedua terlibat serangan agen saraf VX, Mahkamah Tinggi di sini diberitahu, semalam.

Dr S Raja, 42, yang merupakan Ketua Makmal Pusat Senjata Kimia, **Jabatan Kimia** Malaysia berkata, serangan pertama berlaku

di Osaka, Jepun pada 1994 apabila bahan kimia itu disembur

pada leher mangsa.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai analisisnya mengenai kes pembunuhan Kim Jong-nam atau Kim Chol, iaitu abang kepada pemimpin Korea Utara Kim Jong-un, Dr Raja berkata, beliau juga mendapati kesan agen saraf banyak ditemui pada kolar dan kedua-dua lengan blazer yang dipakai Kim Chol.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Wan Shahrudin Wan Ladin dalam pemeriksaan utama, Dr Raja berkata, berdasarkan pendapatnya, besar kemungkinan mangsa lap mukanya menggunakan kolar dan lengan blazer itu.

Beliau beri keterangan pada perbicaraan dua wanita, warga Indonesia Siti Aisyah 25, dan rakyat Vietnam, Doan Thi Huong, 28, yang didakwa bersama-sama empat yang masih bebas membunuh Jong-nam, 45, di Balai Pelepasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) jam 9 pagi, 13 Februari lalu.

Saksi kelapan pendakwaan itu ketika menjelaskan mengenai potensi VX yang boleh membawa maut, Dr Raja berkata, berdasarkan kepekatan agen saraf VX yang dikesan pada kulit Jong-nam adalah 1.4 kali lebih tinggi daripada dos maut.

Dr Raja juga anggarkan kepekatan agen saraf VX pada calitan kulit muka Jong-nam adalah 0.2 m/kg daripada berat badan mangsa.

Beliau juga jangkakan kepekatan VX pada mata mangsa hanya 0.03 m/kg daripada berat badan mangsa, tetapi kesan VX menembusi lebih cepat melalui mata berbanding kulit. - *Bernama*

**KES BUNUH
JONG NAM**

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 11 OKTOBER 2017 (RABU)

6,274 kes ancaman siber dilaporkan suku ketiga 2017

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Sebanyak 6, 274 kes ancaman siber direkodkan hasil laporan pengguna internet kepada **CyberSecurity Malaysia** menerusi Pusat Bantuan Cyber 999 dikendalikan oleh Pasukan Tindakan Keceemasan Komputer Malaysia (MyCERT) sepanjang Januari hingga akhir September lalu.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, kes-kes ancaman siber itu antaranya melibatkan insiden penafian perkhidmatan, penipuan, pencerobohan, kod berbahaya, spam dan gangguan siber.

Katanya, antara kategori itu, insiden penipuan mencatatkan kes tertinggi iaitu sebanyak 2889 kes diikuti dengan pencerobohan (1660 kes); kod berbahaya (634 kes) dan gangguan siber sebanyak 463 kes.

"Menurut firma penyelesaian keselamatan siber Fortinet, kira-kira setengah juta ancaman siber dilaporkan berlaku di ruang siber setiap minit.

"Serangan siber semakin hari semakin meningkat dengan kekerapan, kompleks dan kecanggihan. Ancaman ini memberi implikasi ekonomi yang serius



INSIDEN	JUMLAH KES
Penipuan	2,889
Pencerobohan	1,660
Kod berbahaya	634
Gangguan siber	463
Spam	276
Cubaan pencerobohan	237
Laporan kerentanan	42
Penafian perkhidmatan	37
Insiden berkaitan kandungan	36

dalam kalangan pelbagai industri bukan sahaja dari segi kewangan malah menjejaskan jenama dan reputasi," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Anugerah, Persidangan dan Pameran CyberSecurity Malaysia (CSM-ACE) 2017, di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin dan Pengerusi Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia, Tan Sri Mohd. Azumi Mohamed.

CSM-ACE 2017 yang di-

anjurkan selama empat hari bermula semalam bertujuan menyediakan platform strategik untuk agensi kerajaan, pakar akademik keselamatan siber dan pakar industri untuk membincangkan mengenai cabaran keselamatan siber masa depan dan mencari penyelesaian untuk menghadapi jenayah siber.

Terdahulu dalam ucapannya, Madius berkata, isu keselamatan siber merupakan aspek penting dalam pembangunan ekonomi negara dalam menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0).

Justeru, beliau menggesa

organisasi awam dan swasta untuk bersiap-siaga dan mengadaptasi 'Cyber Readiness' dengan memperkukuhkan keupayaan kesedaran serta meningkatkan pertahanan siber bagi melindungi mereka daripada ancaman tersebut.

"Tanpa mencapai tahap itu (Cyber Readiness) perjalanan Malaysia untuk mara ke peringkat yang lebih tinggi akan dipenuhi dengan pelbagai halangan dan cabaran.

"Justeru, semua organisasi perlu bersedia menghadapi cabaran-cabaran baru keselamatan siber itu yang dibawa oleh ekonomi digital tersebut," katanya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (RANGKUMAN) : MUKA SURAT 74
TARIKH: 11 OKTOBER 2017 (RABU)

Ancaman siber semakin serius

Kuala Lumpur: Kes penipuan siber, pencerobohan dan gangguan siber mencatatkan laporan paling tinggi diterima **Cyber Security Malaysia (CSM)** bermula dari Januari hingga September tahun ini.

Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, kes penipuan dalam talian mencatatkan laporan paling tinggi dengan 2,889 kes.

"Bagi kes pencerobohan pula mencatatkan jumlah laporan 1,660 dan gangguan siber 463 kes. Semua kes ini direkodkan bermula Januari hingga September lalu.

"Ini angka yang sangat besar, ancaman siber itu serius. Kita perlu mempertingkatkan kesiapsiagaan," katanya.

MTDC bantu syarikat FinTech

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) sedang menilai beberapa syarikat teknologi kewangan (FinTech) yang akan dibantu dari segi pembiayaan.

Pengarah Bahagian Penerokaan Teknologi, Mohammad Hazani Hassan, berkata syarikat berkenaan terbabit di dalam pembangunan perisian kewangan.

"Ada beberapa (syarikat) yang sedang kami nilai. Kami mahu memastikan ia bukan satu aplikasi lain, malah sesuatu yang akan ditambah, sesuatu yang boleh menjadi sangat besar kemudian," katanya.

Sedia khidmat nasihat

Beliau memetik Loanstreet Sdn Bhd, laman web perbandingan pinjaman dalam talian komprehensif, yang menyediakan khidmat nasihat pinjaman dan alat untuk pelanggannya, adalah antara syarikat yang memperoleh manfaat daripada bantuan seumpama itu.

Mengenai sama ada MTDC akan membantu syarikat mata wang kripto, Mohammad Hazani berkata agensi itu bersedia membantu membangunkan mata wang kripto di negara ini sementara menunggu kelulusan peraturannya.

BERNAMA